



Ibu Pejabat  
Jabatan Ukur dan Pemetaan  
Jalan Semarak  
50578 Kuala Lumpur

24 Februari, 1993.

**PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.2 TAHUN 1993**  
**Pelan Pra-Hitungan (Pre-Computation Plan)**

**1. Tujuan**

Tujuan pekeliling ini adalah untuk menjelaskan takrif pelan pra-hitungan serta hal-hal yang berkaitan dengan urusan penyediaannya.

**2. Latarbelakang**

- 2.1 Kanun Tanah Negara (Akta 56 Tahun 1965) telah dipinda mengikut Akta A 832, Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1992. Salah satu daripada pindaan yang telah dibuat adalah untuk memperuntukkan istilah dan takrif baru pelan pra-hitungan. Pemakaian istilah ini telah selanjutnya dibuat di bawah Seksyen 137 KTN (berkaitan dengan permohonan untuk pecah sempadan tanah) dan Seksyen 204D KTN (berkaitan dengan permohonan untuk menyerah dan berimilik semula tanah).
- 2.2 Dengan pindaan ini semua permohonan pecah sempadan tanah serta penyerahan dan berimilik semula tanah yang dikemukakan kepada Pejabat Tanah untuk kelulusan perlu disertakan dengan pelan pra-hitungan yang menunjukkan butir-butir terperinci mengenai lot-lot tanah.

**3. Takrif Pelan Pra- Hitungan**

- 3.1 Pelan pra-hitungan telah diberikan takrif di bawah Seksyen 5, Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1992, seperti berikut:

*pre-computation plan means a plan of the layout of lots showing the intended new boundaries and areas of those lots which are based on computation from existing survey data and other relevant data, where the linear misclosure of the computation is not less than one part in four thousand.*

- 3.2 Tikaian linear yang disebutkan dalam takrif di atas hendaklah ditafsirkan sebagai keperluan tikaian linear yang paling minimum bagi urusan penyediaan tatatur lot atau lot-lot yang dicadangkan melalui pelan pra-hitungan tersebut. Sehubungan dengan itu, dalam keadaan tikaian linear lot asal tidak menepati kehendak klas ukuran yang akan dijalankan, ukuran semula untuk meningkatkan tahap tikaian linear lot tersebut tidaklah perlu dijalankan.

#### **4. Tujuan Penyediaan Pelan Pra-Hitungan**

Pelan pra-hitungan perlu disediakan bagi memudah dan melancarkan lagi pelaksanaan kerja-kerja ukur yang berkaitan di mana :

- 4.1 Sempadan-sempadan lot yang akan diukur dapat dikenalpasti dengan lebih tepat.
- 4.2 Masalah yang mungkin timbul apabila seorang Juruukur Tanah menjalankan pengukuran yang berdasarkan kepada pengukuran yang belum disempurnakan akan dapat dikurangkan.
- 4.3 Ukuran tanah khususnya bagi permohonan pecah sempadan serta serahan dan berimilik semula tanah dalam pegangan hakmilik sementara dapat dijalankan dengan sempurna.
- 4.4 Perbezaan kedudukan dan keluasan bidang tanah di antara yang diluluskan dan yang diukur dapat dielakkan.

#### **5. Penyediaan Pelan Pra-Hitungan**

- 5.1 Untuk memenuhi hasrat yang disebutkan pada para 4 di atas serta keperluan perundangan semasa, semua permohonan untuk pecahan sempadan serta penyerahan dan pemberimilikan semula tanah hendaklah disertakan dengan pelan pra-hitungan sebagai pelan permohonan.
- 5.2 Walaupun tidak diperuntukan dalam Akta Kanun Negara (Pindaan) 1992, penyediaan dan pengemukaan pelan pra-hitungan sebagai pelan permohonan bagi urusan pecah bahagian tanah hendaklah turut dibuat.
- 5.3 Pelan pra-hitungan yang tersebut di atas, juga hendaklah digunakan bagi memohon nombor lot daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan, untuk maksud yang sama.
- 5.4 Pelan pra-hitungan yang disediakan itu sewajarnya berpandukan format sebagaimana yang ditunjukkan pada **Lampiran 'A'** yang mengandungi :

- 5.4.1 Tajuk yang tepat bagi menjelaskan urusan yang terbabit.
- 5.4.2 Pelan lokasi yang dilukis mengikut skala yang sesuai dengan menunjukkan maklumat tajuk, skala dan penunjuk utara serta maklumat yang boleh membantu mengenalpasti kedudukan lot seperti sempadan dan nombor lot atau lot-lot yang terlibat dengan urusan yang dicadangkan, abutal dan nombor-nombor lot berhampiran, jalan-jalan dan nama-namanya dan lain-lain.
- 5.4.3 Pelan lot atau lot-lot asal yang terbabit dengan urusan yang dicadangkan, yang dilukis pada ruangan grafik mengikut skala yang sesuai serta berasaskan kas ukuran yang akan dijalankan dengan menunjukkan :
  - (i) Dimensi dan bearing serta luas lot atau lot-lot tersebut dan lot-lot yang dicadangkan.
  - (ii) Lebar simpanan jalan/laluan, lebar simpanan sungai dan lain-lain simpanan.
  - (iii) Penunjuk utara dan skala.
  - (iv) Maklumat-maklumat lain yang perlu.
- 5.4.4 Ruangan dan maklumat tertentu pada ruang teks iaitu :
  - (i) Panduan dan catitan peringatan.
  - (ii) Catitan nombor Peta Kadaster.
  - (iii) Catitan dan pengesahan Pihak Berkuasa Tempatan.
  - (iv) Pengesahan pelukis dan penyemak Pihak Berkuasa Perancang.
  - (v) Pengesahan Pihak Berkuasa Perancang.
  - (vi) Catitan dan pengesahan Pejabat Pengarah Tnanh dan Galian dan/atau Pejabat Tanah dan Pihak Berkuasa Negeri.
  - (vii) Pengesahan pemilik tanah.
  - (viii) Pengesahan penghitung, pelukis dan penyemak Jabatan Ukur Negeri/Juruukur Tanah Berlesen.
  - (ix) Pengesahan pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri/Juruukur Tanah Berlesen.
- 5.5 Contoh pelan pra-hitungan yang dengan sendirinya menjelaskan perkara-perkara kandungannya sebagai panduan adalah sepetimana yang ditunjukkan

pada **Lampiran 'B'**.

**6. Pembatalan**

Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 2/1989 adalah dengan ini dimansuhkan.

**7. Pelaksanaan**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh pengeluarannya.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"CINTAILAH BAHASA KITA"**

**(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia.


**Edaran:**

Semua Pengarah Ukur Negeri  
Setiausaha,  
Lembaga Juruukur Tanah


**Salinan kepada :**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Pemetaan  
Pengarah Ukur Kadaster  
Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan  
Timbalan Pengarah Ukur Kadaster  
Timbalan Pengarah Ukur Kadaster (Unit Khas)  
Pen. Pengarah Ukur Kadaster (P&L)

PELAN LOKASI			RUANGAN CATITAN DAN PENGESAHAN PEJ.TANAH/ PTG/PSH
		RUANGAN PANDUAN DAN CATITAN PERINGATAN	
		RUANGAN CATITAN NO.PETA KADAS/TRA	RUANGAN PENGESAHAN PEMILIK TANAH
		RUANGAN BAGI CATITAN DAN PENGESAHAN PEMAK BERKASAS TERHANTAR	RUANGAN PENGESAHAN PENGINTI PELAJS DAN PENYEMAKI PERANCANG serta TARIM-TARRH
		RUANGAN PENGESAHAN PEMILIK DAN PENYEMAKI PERANCANG serta TARIM-TARRH	RUANGAN PENGESAHAN JUPN/JTB
TAJUK PELEN PRA-HITUNGAN		RUANGAN BAGI PENGESAHAN MIKAB PERANCANG	



卷之三



**NOTA :**

- 1) Semua jarak dalam ukuran meter
- 2) Semua dimensi dan ketidakcocokan yang ditunjukkan dalam soal ini adalah nilai sementara sejauh

PELAN PRA-HITUNGAN BAGI PERMOHONAN PECAHAN DAN  
 PENYERAHAN SEBAHAGIAN LOT 50000 DAN 50001  
 MUKIM KUALA LUMPUR  
 WILAYAH PERSEKUTUAN

<input type="checkbox"/>	Business plan written
<input type="checkbox"/>	Business plan revised
<input type="checkbox"/>	Business plan ready
<input type="checkbox"/>	Business plan submitted
<input type="checkbox"/>	Business plan accepted
<input type="checkbox"/>	Business plan rejected
 <u>10. Business plan implementation activities</u>	
<input type="checkbox"/>	Business plan used
<input type="checkbox"/>	Business plan revised
<input type="checkbox"/>	Business plan rejected
<input type="checkbox"/>	Business plan accepted
<input type="checkbox"/>	Business plan rejected
 <u>11. Business plan implementation results</u>	
1. Plan to increase sales revenue by <u>10%</u> achieved <u>10%</u> sales increase	
2. Plan to increase sales revenue by <u>10%</u> achieved <u>10%</u> sales increase	

STIF-62-8

САУК ВАНДАЛ  
ОБИЧА ВАНДАЛАР ДАКА НИЖАР

Geometria - 9. Klasse

BRUNSWICK 1995

**PENGARAH**

**JABATAN PERANCANG DAN KERJALAH BANDARAN  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Ward 1000-10000  
Ward 10000-100000

PORTADOLE TELLEZ GOMEZ  
WALTER PESQUEROS  
ROBERTO URGEL

Isaac was your daughter's name  
Isaac married his wife \_\_\_\_\_  
Isaac died when she was just 16  
Isaac survived her by 10 years

Барнаул  
Новокузнецк Екат. Елан-  
ская Ростов-на-Дону  
Краснодар

100

00047444 00001

Бр. 4, № 1023. — 01.01.1974

www.3dprint.com

Имя фамилия  
должность

MANA DAN BUDAYA STYLING  
DESIGNER FASHION STYLING

卷之三